

D618

U B056 AAB  
MAHATHIR - GSP

I

SUBANG, 4 JUN (BERNAMA) -- PETISYEN YANG MENDESAK PENARIKAN BALIK FAEDAH-FAEDAH SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) BAGI MALAYSIA TIDAK HARUS DIPANDANG RINGAN, TEGAS PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, ADALAH AMAT SUKAR UNTUK MENDAPATKAN SEMULA FAEDAH-FAEDAH GSP ITU SETELAH IA DITARIK BALIK.

+KITA HARUS MEMBERI PERHATIAN BERAT MENGENAI PETISYEN ITU, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI SELEPAS MENGUCAPKAN SELAMAT PULANG KEPADA PRESIDEN SUHARTO DARI INDONESIA.

KATANYA, MALAYSIA PERLU MENINGKATKAN USAHA DARIPADA APA YANG IA LAKUKAN PADA TAHUN 1988. +KITA TELAH BERJAYA PADA TAHUN 1988. KITA KINI HARUSLAH MELIPATGANDAKAN USAHA UNTUK MEMASTIKAN FAEDAH-FAEDAH GSP ITU DIKEKALKAN.+

PADA 1988, PERSEKUTUAN BURUH AMERIKA DAN KONGRES PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PERINDUSTRIAN (AFL-CIO) MENGEMUKAKAN PETISYEN ITU TERHADAP MALAYSIA DAN STATUS MALAYSIA DIKAJI SEMULA TETAPI AKHIRNYA PETISYEN BERKENAAN DITOLAK.

--LAGI.

1415MST 04 06 90

D643

U B070 AAB  
PERHATIAN EDITOR: PEMBETULAN

-----  
DALAM BERITA B057 +MAHATHIR - GSP 2 SUBANG+ PARA SATU HARAP BACA... DALAM PETISYEN BERASINGAN YANG DIKEMUKAKAN...(ULANG) PETISYEN BERASINGAN... (BUKAN SATU PETISYEN BERSAMA).

BERIKUT IALAH BERITA BERKENAAN YANG SUDAH DIBETULKAN:

MAHATHIR - GSP 2 SUBANG

I

DALAM PETISYEN BERASINGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH AFL-CIO SERTA TABUNG PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN HAK-HAK BURUH ANTARABANGSA PADA HARI JUMAAT LEPAS, MALAYSIA DITUDUH KONONNYA TIDAK MEMATUHI BEBERAPA PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA.

ANTARA PIAWAIAN YANG DISEBUT DALAM PETISYEN ITU IALAH: MENGHALANG PARA PEKERJA ELEKTRONIK DARIPADA MEMPUNYAI SEBUAH KESATUAN, KETIADAAN GAJI ASAS MINIMUM DAN TERDAPATNYA HALANGAN BAGI PARA PEKERJA UNTUK MELANCARKAN MOGOK.

BEBERAPA KESATUAN TERMASUK CUEPACS TELAH MENYATAKAN PENDIRIAN MEREKA MENYOKONG KERAJAAN BERKEMPEN UNTUK MENGEKALKAN FAEDAH-FAEDAH GSP ITU.

SABTU LEPAS, PARA PEKERJA HARRIS ADVANCED TECHNOLOGY, SEBUAH SYARIKAT ELEKTRONIK MILIK AMERIKA DI SINI, MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN MEMBANTAH TERHADAP PETISYEN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN MENJELASKAN KEPADA KERAJAAN AMERIKA KEADAAN SEBENAR DI SINI (BERSABIT TUDUHAN-TUDUHAN BERKENAAN). -- LAGI.

1513MST 04 06 90

D624

U B057 AAB  
MAHATHIR - GSP 2 SUBANG

I

DALAM SATU PETISYEN BERSAMA YANG DIKEMUKAKAN OLEH AFL-CIO SERTA TABUNG PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN HAK-HAK BURUH ANTARABANGSA PADA HARI JUMAAT LEPAS, MALAYSIA DITUDUH KONONNYA TIDAK MEMATUHI BEBERAPA PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA.

ANTARA PIAWAIAN YANG DISEBUT DALAM PETISYEN ITU IALAH: MENGHALANG PARA PEKERJA ELEKTRONIK DARIPADA MEMPUNYAI SEBUAH KESATUAN, KETIADAAN GAJI ASAS MINIMUM DAN TERDAPATNYA HALANGAN BAGI PARA PEKERJA UNTUK MELANÇARKAN MOGOK.

BEBERAPA KESATUAN TERMASUK CUEPACS TELAH MENYATAKAN PENDIRIAN MEREKA MENYOKONG KERAJAAN BERKEMPEN UNTUK MENGEKALKAN FAEDAH-FAEDAH GSP ITU.

SABTU LEPAS, PARA PEKERJA HARRIS ADVANCED TECHNOLOGY, SEBUAH SYARIKAT ELEKTRONIK MILIK AMERIKA DI SINI, MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN MEMBANTAH TERHADAP PETISYEN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN AKAN MENJELASKAN KEPADA KERAJAAN AMERIKA KEADÁAN SEBENAR DI SINI (BERSABIT TUDUHAN-TUDUHAN BERKENAAN). -- LAGI.

1425MST 04 06 90

D632

U B059 AAB  
MAHATHIR - GSP 3 SUBANG

I

KATANYA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA AKAN MENYELARAS USAHA-USAHA UNTUK MENJELASKAN KEPADA KERAJAAN AMERIKA.

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU YAKIN BAHAWA FAEDAH-FAEDAH GSP ITU AKAN DAPAT DIKEKALKAN BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK BOLEH MENGATAKAN BAHAWA SAYA YAKIN MEMANDANGKAN KEPUTUSAN ITU TIDAK TERLETAK PADA SAYA. IA TERLETAK PADA KERAJAAN AMERIKA. SAYA TIDAK MEMPUNYAI KUASÁ DALAM KERAJAAN AMERIKA. BAGAIMANAPUN KITA AKAN MEMBERITAHU MEREKA PENDIRIAN KITA.+

MENTERI LUAR, DATUK ABU HASSAN OMAR PULA BERKATA, KEDUTAAN MALAYSIA DI WASHINGTON TELAH DIARAH AGAR BERSIAP SEDIA UNTUK MENGEMUKAKAN PENJELASAN MENGENAINYA.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DAN KEMENTERIAN LUAR AKAN MENYELARAS USAHA MEREKA DALAM MENGEMUKAKAN PENJELASAN ITU, BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA.

DATUK ABU HASSAN BERPENDAPAT BAHAWA KES TERBARU ITU ADALAH TIDAK SEKUAT KES YANG PERTAMA DAN YAKIN BAHAWA FAEDAH-FAEDAH GSP ITU AKAN DIKEKALKAN.

KERAJAAN AMERIKA AKAN MENGUMUMKAN PADA 13 JULAI INI, NEGARA-NEGARA YANG SEDANG DIKAJI SEMULA BERIKUTAN PETISYEN-PETISYEN YANG DITERIMA TAHUN INI.

SEKIRANYA PETISYEN AFL-CIO DAN TABUNG BERKENAAN DITERIMA, IA AKAN DIDENGAR OKTOBER INI DAN KEPUTUSAN SAMA ADA GSP ITU AKAN DIKEKALKAN ATAU SEBALIKNYA AKAN DIKETAHUI APRIL TAHUN DEPAN. -- BERNAMA.

1446MST 04 06 90